



MPU3122

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

SELF INSTRUCTIONAL
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &
HOSPITALITY
BACHELOR OF COMMERCE
(HONS) IN

TOPIK 5 ► Pembinaan Peradaban Majmuk di Malaysia

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir topik ini, pelajar boleh:

1. Menerangkan sejarah sosial pengaruh peradaban dunia dalam pembinaan negara bangsa.
2. Menghuraikan konsep negara dan bangsa.
3. Menghuraikan konsep dan pembentukan negara bangsa dalam acuan Malaysia.
4. Menerangkan kepelbagaiannya idea Bangsa Idaman..

► PENGENALAN

Latar belakang pembinaan peradaban majmuk di Malaysia tidak wujud tanpa asal usul sejarah atau titik permulaan. Ianya adalah hasil gabungan daripada beberapa peradaban besar dunia yang terjalin melalui perjalanan sejarah di Alam Melayu. Selama ribuan tahun peradaban ini didahului oleh peradaban Pribumi Alam Melayu, kemudiannya muncul peradaban Asia yang terdiri daripada peradaban India, Cina serta Timur Tengah dan seterusnya peradaban dari Barat. Peradaban ini akhirnya terus berkembang dengan pengaruh oleh 'peradaban globalisasi' yang merupakan kacukan pelbagai punca peradaban tanpa sempadan melalui jaringan digital yang kompleks.

Pembinaan peradaban yang beridentitikan Malaysia bermula dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 melalui usaha mewujudkan Negara-Bangsa, didahului oleh pembinaan Negara bercirikan satu wilayah, satu perlombagaan dan satu kewarganegaraan. Negara mewujudkan beberapa institusi utama seperti sistem birokrasi negara, Pelan Pembangunan Lima Tahun dan pelbagai inisiatif oleh pihak kerajaan. Pembangunan ekonomi mendahului pembinaan bangsa. Oleh itu, pembinaan bangsa menyusul, antaranya melalui institusi sistem politik kepartian dan pilihan raya. Dalam konteks ini telah wujud beberapa "Bangsa Idaman" yang menguasai wacana politik di Malaysia.

Usaha membina peradaban beridentitikan Malaysia sangat mencabar dan perlu dikupas dan didebatkan.

Demi menjamin proses pembinaan peradaban di negara ini atas landasan kerohanian dan moral yang dituntut oleh Islam dan agama-agama lain berterusan tanpa banyak terjejas, penilaian baik dan buruk pembinaan peradaban majmuk di Malaysia perlu dilakukan dengan lebih teliti. Kebaikannya perlu dimakmurkan dan dimanfaatkan oleh rakyat negara ini. Keburukannya perlu dihindari dan diatasi sebaik mungkin. Untuk berjaya, kita perlu menggunakan segala kekuatan dankekayaan yang ada pada kita, terutamanya kekayaan dalaman yang terdapat dalam agama dan tradisi kita baik yang berupa kerohanian mahu pun yang berupa intelektual atau keilmuan.

5.1 SEJARAH SOSIAL PERADABAN DUNIA DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA.

SEJARAH DI ALAM MELAYU

i. Peradaban Pribumi Alam Melayu

Amri Marzali (2017) menyatakan Tamadun Melayu ialah tamadun yang dibina dan dimiliki oleh masyarakat yang berbudaya Melayu. Sosiobudaya mereka terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik manakala dari segi politik pada masa lampau mereka terdiri daripada pelbagai kerajaan kuno. Tamadun tersebut terus berkembang dan kini menjadi beberapa moden dan maju.

Peradaban Melayu dikatakan berasal daripada penduduk Asia Tenggara, khasnya Gugusan Kepulauan Melayu (yang mencakupi Selatan Siam, Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Sumatera, Jawa, Madura, Sunda, Borneo, Sulawesi, Filipina, pulau-pulau timur Indonesia dan juga bahagian kecil daripada Kampuchea sehingga ke Vietnam). Mereka bertutur dalam keluarga bahasa Melayu-Indonesia. Ciri seterusnya daripada tamadun Melayu, mereka beragama Islam. Bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca antara orang-orang rumpun Melayu Asia Tenggara berkenaan. Kesimpulannya tamadun Melayu adalah tamadun yang dibina, dikembangkan dan dimiliki oleh penduduk Asia Tenggara yang bertutur dalam keluarga bahasa Melayu, berkomunikasi antara sesama mereka dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua franca.

Kesan daripada pertembungan dan kemasukan pengaruh asing, masyarakat dan budaya Melayu telah mengalami perubahan khususnya terhadap pengembangan bahasa Melayu. Selain itu, fenomena yang disebut sebagai imperialisme budaya ini turut berlaku di Alam Melayu yang terkenal sebagai kawasan strategik antara Timur dan Barat, pusat perdagangan entrepot dan aktiviti keagamaan. Walau bagaimanapun, interaksi yang berlaku ini adalah sesuatu yang positif apabila hasil daripada pertembungan ini, memperlihatkan kecenderungan dalam memperkayakan bahasa dan kebudayaan. Maka berlakulah penyerapan kosa kata pinjaman daripada pelbagai bahasa dan budaya, Antaranya bahasa Inggeris, Arab, India, Cina, Portugis, Belanda dan lain-lain.

ii. Peradaban Asia (India, cina, Timur Tengah)

Perkembangan peradaban Asia turut mempengaruhi pembinaan bangsa dan negara di Malaysia. Kedatangan masyarakat India, Cina pedagang Arab dari Timur Tengah telah membawa kepelbagaiannya adat dan budaya serta pegangan agama. Kepelbagaiannya ini merupakan satu keistimewaan yang ada pada negara ini namun perlu diuruskan dengan baik agar keharmonian bangsa dapat diperkuuhkan setiap masa.

Kedatangan orang India dan Cina ke Malaysia adalah hasil usaha pihak penjajah yang membawa masuk pekerja asing bagi memenuhi keperluan ekonomi. Peradaban mereka merupakan waris peradaban asal mereka di negara asal. Apabila tiba di Malaysia, mereka bertembung dengan peradaban tempatan termasuk peradaban barat dan Melayu.

Peradaban Asia seperti peradaban India dan Cina yang ada di Malaysia masih tidak banyak berubah secara keseluruhan menurut acuan tempatan. Sebagai contoh adat resam dan tabiat pemakaian bahasa ibunda masih dikenalkan dari generasi ke generasi. Dalam aspek keagamaan juga demikian walaupun terdapat di kalangan bangsa India dan Cina yang memeluk agama Islam, namun bahasa dan kebudayaan masih diamalkan dalam sebahagian kehidupan mereka.

iii. Peradaban Barat

Peradaban Barat hasil penjajahan kolonial Barat yang dilalui oleh negara ini tidaklah ketara berlaku memandangkan tempoh kependudukan British dalam negara khususnya dalam rangka sejarah kebudayaan di Nusantara ini tidak lama, namun pengaruh corak masyarakat kolonial itu meninggalkan satu kesan yang luas walaupun mungkin tidak mendalam. Kedatangan orang Eropah ke alam Melayu ini telah bermula selepas tumbuhnya peradaban Islam di rantau ini, tetapi masyarakat kolonial tidak tumbuh serentak di alam Melayu ini.

Semasa pemerintahan kolonial Barat khususnya pemerintahan British, penyebaran agama Kristian di Tanah Melayu pada zaman tersebut tidaklah begitu ketara. Beberapa kawasan penempatan awal British dapat dilihat melalui peninggalan bangunan bersejarah seperti di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Peradaban Barat mulai memberi pengaruh kepada penduduk tempatan selepas mencapai kedudukan Yang mempunyai prestij di Alam Melayu ini.

Di Tanah Melayu khususnya, pengaruh peradaban Barat lebih kepada pengaruh bidang material dan kesannya hanya pada peringkat luaran sahaja. Ia banyak mempengaruhi kebudayaan dan institusi-institusi sosial sahaja. Namun begitu ajaran Islam tetap menjadi pegangan masyarakat tempatan. Antara pengaruh peradaban Barat di Tanah Melayu dapat dilihat melalui sistem pendidikan, kewujudan masyarakat majmuk, perubahan dari segi budaya, kemunculan bandar-bandar moden dan keperluan-keperluan asas infrastruktur di bandar seperti jalanraya, keretapi, telefon, telegraf, bekalan elektrik dan bekalan air bersih. Ini semua dinikmati oleh masyarakat bukan Melayu yang tinggal di bandar-bandar terutamanya para pegawai British dan peniaga Cina.

iv. Peradaban Globalisasi

Globalisasi menurut Kamus Dewan ialah fenomena yang menjadikan dunia kelihatan kecil dari segi perhubungan manusia disebabkan pantasnya perkembangan teknologi maklumat. Ia juga merupakan era dunia tanpa sempadan yang berlaku hasil interaksi dan jaringan peradaban yang merentasi benua dan sempadan negara. Globalisasi berlaku melalui pemodenan dalam pelbagai bidang kehidupan, perkembangan teknologi maklumat dan informasi seperti komputer dan telefon pintar yang mempunyai talian internet serta penggunaan media sosial yang berleluasa seperti Facebook, WhatsApp dan lain-lain.

Peradaban globalisasi membawa pengaruh yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan merentasi bidang politik, ekonomi, sosio-budaya termasuklah perkembangan bidang ilmu dan pemikiran perkembangan peradaban global ini turut menjadi penyumbang kepada pembentukan peradaban majmuk di Malaysia. Chandra Muzaffar (1998) telah menyenaraikan lapan kebaikan globalisasi iaitu:



Namun disebalik kebaikan ini, ada juga keburukan kesan daripada globalisasi. Antara keburukan globalisasi ialah:

-  Kualiti alam sekitar yang semakin merosot akibat terlalu mementingkan faktor keuntungan.
-  Pembangunan yang tidak seimbang dan jurang perbezaan ekonomi yang semakin melebar antara kawasan-kawasan di sesebuah negara dan antara sektor-sektor ekonomi.
-  Pengabaian keperluan asas hidup di kalangan rakyat termiskin di banyak negara.
-  Kebanjiran maklumat yang tidak berguna.
-  Pengantarabangsaan jenayah yang menyukarkan sesuatu jenayah dibendung.

PERADABAN BERIDENTITIKAN MALAYSIA

Kemerdekaan Malaysia tanggal 31 Ogos 1957 merupakan asas kepada kemunculan peradaban bangsa-negara. Usia kemerdekaan yang telah melebihi 60 tahun merupakan satu jangka masa yang panjang namun di sebalik tempoh tersebut, negara didakwa masih gagal dalam menjayakan proses pembentukan negara bangsa.

Namun usaha ini perlu diteruskan sebagai meneruskan perjuangan tokoh kemerdekaan negara untuk melihat bangsa Malaysia wujud dan bersatu dalam suasana yang harmoni dan damai sampai bila-bila. Jika usaha ini gagal, anak cucu kita tidak dapat mengecapi lagi kehidupan yang aman damai malah tidak mustahil mereka akan menjadi pelarian di negara orang. Pihak berwajib perlu memainkan peranan mereka agar ruang-ruang memecahbelahkan keamanan negara bangsa dapat dikawal dan akhirnya tidak merebak hingga berlaku rusuhan seperti yang telah berlaku pada 13 Mei 1969.

Pembinaan identiti negara bangsa sudah banyak diperkatakan dan telah dirungkai oleh para pengkaji kerana ia merupakan sudut sisi yang penting dalam memahami negara bangsa yang beridentitikan Malaysia. Dalam merangka, merancang dan memahami pembentukan identiti ini, wajar bagi setiap warganegara untuk memahami dan mengenali negara bangsa yang beridentitikan Malaysia melalui kajian-kajian mereka yang pakar dalam perkara ini. Kajian ini adalah penting dalam usaha untuk mengkaji pembentukan identiti pada masa kini sekaligus dapat membina satu identiti yang kukuh dan unggul pada masa hadapan.

Peradaban beridentitikan Malaysia mestilah suatu peradaban yang mempunyai identiti kukuh sebagai seorang anggota masyarakat Malaysia yang bertunjangkan budaya, imej, bahasa dan agama sebagai landasan utama dalam menjalani kehidupan mereka.



Rajah: Tunjang Peradaban Beridentitikan Malaysia.

3.2 KONSEP NEGARA DAN BANGSA.

Konsep negara dan bangsa menjadi perhatian terutama setelah Perdana Menteri ke 4, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengemukakannya pada tahun 1991. Takrif negara dan bangsa menurut Kamus Dewan ialah frasa 'negara' merujuk kepada suatu kumpulan masyarakat yang mendiami sesuatu kawasan, mempunyai kedaulatan politik dan juga jentera pemerintahan manakala frasa 'bangsa' merujuk kepada suatu kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan yang mempunyai identiti budaya, fahaman, agama dan bahasa tersendiri. Oleh itu, konsep negara bangsa dilihat sebagai satu bangsa yang ideal yang diimpikan oleh sesebuah negara melalui konsep satu bangsa dengan satu identiti tersendiri.

Konsep negara dan bangsa juga menjurus kepada sebuah negara yang mempunyai tanah air, rakyat, kemerdekaan, kedaulatan, sempadan, perlombagaan dan perundangan yang luhur dengan rakyatnya hidup bersatu padu tanpa wujud sentimen perkauman, keturunan, agama, bahasa, budaya, wilayah dan sebagainya yang boleh membawa kepada perpecahan dan permusuhan antara kaum. Elemen yang saling lengkap melengkapi ini akan mengesahkan lagi sistem kuasa dan autoriti sesebuah negara.

KONSEP NEGARA

Negara merujuk pada sebuah masyarakat yang mendiami kawasan tertentu dan adanya kerajaan yang memerintah. Konsep negara adalah sebuah kerajaan yang merdeka dan mempunyai kedaulatan politik serta pentadbiran yang diiktiraf oleh negara-negara lain. Manakala rakyat pula memiliki taraf kewarganegaraan yang sah menurut undang-undang. Rakyat merupakan elemen terpenting bagi

negara kerana rakyatlah yang mengatur urus tadbir negara. Kewujudan rakyat juga yang akan membentuk satu bangsa kepada sesebuah negara.

Antara ciri-ciri utama pembentukan sesebuah negara adalah adanya **penduduk, sempadan, kerajaan dan kedaulatan**. Sesebuah negara juga memiliki sistem politik yang ditegakkan oleh sekumpulan manusia serta membentuk satu kerajaan yang sah dan diiktiraf oleh pihak luar.

Secara ringkasnya, untuk membentuk sebuah negara perlu mempunyai elemen-elemen berikut:

- i. Penduduk
- ii. Wilayah
- iii. Kerajaan
- iv. kedaulatan

KONSEP BANGSA

Istilah bangsa merujuk kepada tempat asal lahirnya seseorang individu dan seterusnya membentuk satu kumpulan besar manusia. Penggunaan istilah bangsa biasanya digunakan untuk menjelaskan tentang sesebuah kumpulan etnik, bahasa dan kebudayaan komuniti sesebuah masyarakat.

Kumpulan manusia yang membentuk sebuah bangsa biasanya mempunyai hubungan darah dan keturunan, bahasa yang sama, perkongsian tradisi dan sejarah. Walaupun pelbagai teori berkenaan bangsa ini, selain faktor-faktor tersebut, elemen perasaan kebersamaan turut menjadi sentimen dalam membentuk sesebuah bangsa. Maka dapat dirumuskan bahawa bangsa adalah hubungan erat yang wujud melalui perasaan kekitaan terhadap sekumpulan besar manusia yang ada dalam sesebuah negara.

Bagi mencapai konsep sebenar negara dan bangsa, ia perlu memenuhi ciri-ciri negara dan bangsa tersebut. Antara ciri-ciri negara bangsa ialah:

- i. Kehidupan masyarakat dalam negara tersebut adalah bersatu- padu tanpa berlaku pemisahan ataupun diskriminasi antara satu kaum dengan kaum yang lain.
- ii. Berpegang kepada satu semangat kenegaraan yang utuh melalui simbol-simbol keutuhan seperti bendera Malaysia, lagu kebangsaan, Rukun Negara dan sebagainya.
- iii. Semua bangsa dan kaum berkongsi pegangan kepada suatu ideologi politik.
- iv. Setiap warganegara mempunyai kepercayaan dan keyakinan penuh terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara.

5.3 KONSEP DAN PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA DALAM ACUAN MALAYSIA.

Sebuah negara bangsa memiliki hanya satu anak watan yang lahir dalam satu negara, satu kumpulan etnik dan satu tradisi budaya tanpa ada kumpulan lain. Ia ditadbir urus oleh negara yang berdaulat dan merdeka tanpa dijajah minda dan fizikal. Apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, apa yang lahir ialah sebuah negara dan bukannya sebuah bangsa. Begitu juga setelah Persekutuan Malaysia terbentuk pada 16 September 1963, apa yang wujud ialah negara Malaysia dan bukannya bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2001). Usaha ke arah mencapai konsep sebenar negara bangsa perlu diberi keutamaan agar penyatuan tetap berjalan dan terus diberi perhatian supaya hasrat untuk menjadikan satu negara hanya mengandungi satu bangsa dapat dicapai.

Usaha-usaha ke arah pembentukan negara bangsa merupakan salah satu langkah ke hadapan dalam mewujudkan satu negara satu bangsa. Usaha ini perlu dilaksanakan secara bersama tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa. Antara usaha-usaha yang boleh diberikan perhatian ialah seperti dalam jadual berikut:

Perkara	Huraian
Sistem Pendidikan Kebangsaan	Melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan satu kurikulum kebangsaan untuk semua jenis sekolah dan satu penilaian peperiksaan yang seragam.
Memperkasa Sekolah Kebangsaan	Menjadikan agenda meperkasakan Sekolah Kebangsaan menjadi salah satu teras dalam perlaksanaan dasar negara bagi merealisasikan matlamat untuk memupuk perpaduan kaum dan pusat kecemerlangan pendidikan.
Menerap Nilai Positif	Menerapkan nilai jati diri, budi bahasa dan seni budaya dalam tajuk-tajuk mata pelajaran yang bersesuaian.
Memperkenalkan Matapelajaran Negara Bangsa	Memperkenalkan matapelajaran berkaitan negara bangsa di peringkat rendah dan menengah bertujuan memberikesedaran dan keharmonian antara kaum.
Melaksanakan Aktiviti Patriotisme	Melaksanakan beberapa aktiviti bagi menerapkan semangat patriotism secara berterusan seperti perhimpunan bulanan, sambutan bulan kemerdekaan serta kibar Jalur Gemilang dan lain-lain.
Memupuk Semangat Perpaduan	Memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotic serta rasa bangga sebagai seorang rakyat Malaysia.

Jadual: Usaha-usaha ke arah pembentukan negara bangsa.

Ku Hasnan Ku Halim (2018) mengemukakan pandangan dalam membentuk negara bangsa menurut acuan Malaysia, penekanan haruslah diberikan terhadap beberapa perkara iaitu untuk mengurus isu perpaduan negara dan integrasi nasional. Acuan inilah yang telah diguna pakai untuk menyusun atur, merancang dan melaksanakan pembangunan dan pemerintahan di Malaysia sejak merdeka hingga kini. Kemajmukan rakyat Malaysia daripada pelbagai budaya, agama dan bahasa telah menjadi perkiraan asas dalam negara ini untuk terus utuh sampai bila-bila.

Penubuhan parti Perikatan iaitu UMNO, MCA, MIC dan semangat permuafakatan kaum adalah acuan pertama yang terbina hasil daripada kemahuan bersama rakyat yang mahu memerdekakan negara daripada penjajah Inggeris. Permuafakatan politik yang dibina ini terus kekal sehingga kini dan menjadi teras kepada permuafakatan antara kaum di Malaysia. Namun sejarah telah mencatatkan satu peristiwa hitam apabila pada tahun 1969, rusuhan kaum telah berlaku. Maka perpaduan negara menjadi matlamat utama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara dan pembentukan negara industri, demokratik dan progresif melalui Dasar Wawasan Negara.

Acuan kedua adalah melalui pembangunan ekonomi negara yang diikat dengan falsafah pembangunan ekonomi yang adil antara kaum, golongan miskin dan kaya, kawasan desa dan bandar serta perbezaan wilayah. Dengan terbina ikatan di antara rakyat pelbagai budaya ini, ia akan dapat menjamin kestabilan sosiopolitik dan pembangunan ekonomi di negara ini serta dapat berjalan secara berterusan. Pembangunan negara yang sentiasa mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat hingga ke hari ini telah menjadikan negara semakin hampir untuk mencapai tahap negara maju sehingga struktur masyarakat berdasarkan pertanian telah mengalami perubahan ke arah budaya hidup kelas menengah yang mengutamakan kepenggunaan dan kualiti hidup yang lebih baik.

Justeru, pemodenan dan pembangunan di Malaysia telah berjaya menghakis sentimen lama yang sering dikaitkan dengan etnik dan agama. Ia diperkuatkan lagi dengan acuan tadbir urus kerajaan Malaysia yang berjaya mengurus isu perkauman dan agama ini dalam bentuk pentadbiran negara hingga perbezaan yang wujud diurus dengan baik dan dinikmati bersama oleh masyarakat pelbagai budaya di negara ini. Matlamat akhirnya ialah untuk memastikan masalah sosial dan setiap perubahan dalam masyarakat dapat diurus dengan baik dalam proses kerangka negara dan bangsa Malaysia. Pemahaman dan penghayatan prinsip Rukun Negara akan membantu dalam merealisasikan kesinambungan dan kemakmuran hidup dalam negara yang aman damai dan sejahtera.

3.4 KEPELBAGAIAN IDEA "BANGSA IDAMAN".

Untuk sekian lamanya kerajaan dan rakyat Malaysia mengidamkan perpaduan. Inilah yang dinamakan sebagai "bangsa idaman" iaitu sebuah harapan, sebuah idaman, malah sebuah impian dalam mencapai perpaduan antara kaum di Malaysia yang menjadi satu bangsa satu negara. Namun idea "bangsa idaman" sehingga kini masih menjadi impian malah yang wujud adalah negara tetapi bangsanya tidak terbina seperti di Malaysia. (Shamsul Amri Baharuddin, 2011)

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2019) hasrat mewujudkan "bangsa idaman" di Malaysia tercusus sejak sebelum merdeka lagi. Sebelum merdeka wujudnya pergerakan nasionalisme laitut setiap bangsa masing-masing merancang untuk berjuang mendapatkan kemerdekaan dalam kerangka bangsa idaman masing-masing, yang bermaksud sifat dan wajah bangsa Malaysia yang mereka inginkan adalah sesuai dengan agenda ekonomi, politik, sosial dan budaya masing-masing. Sebagai contoh, di kalangan kelompok strategik nasionalis Melayu terdapat tiga jalur bangsa idaman, kelompok pertama: "Melayu Raya" anjuran kelompok strategik kiri Melayu. Kelompok kedua: "negara Islam" anjuran kelompok strategik berorientasi Islam dan kelompok ketiga ialah; "masyarakat majmuk pimpinan Melayu iaitu kelompok strategi tiga rangkai etnik yang diterima oleh pihak British ketika itu. Pemerintah British memilih, menyokong dan mempromosi jalur ketiga melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada tahun 1949.

Apabila Malaysia telah mencapai kemerdekaan, keinginan kolektif untuk mempunyai suatu "identiti nasional sepunya" atau sebuah bangsa tetap diteruskan. Idea dan wacana mengenai identiti nasional sepunya ini adalah sebuah pernyataan mengenai bangsa idaman atau bangsa Malaysia yang mereka inginkan. Antara konsep "bangsa idaman" utama pasca Merdeka 1957 ialah memperkenalkan konsep "Malaysian Malaysia" anjuran kelompok strategik daripada Singapura (awal 1960an) dan daripada Malaysia (akhir 1990an). Selepas DEB diperkenalkan, beberapa idea mewujudkan "bangsa idaman" berhasil melalui pemimpin-pemimpin negara seperti idea "Bangsa Malaysia" dan "Wawasan 2020" hasil cetusan idea Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ketika Dato' Seri Najib Tun Razak mengambil alih pentadbiran, beliau memperkenalkan Gagasan 1Malaysia sebagai "bangsa idaman" pada era pentadbiran beliau. Manakala di Borneo, wujud konsep seperti "*Sabah for Sabahan*" dan "*Sarawak for Sarawakian*". Namun konsep di Sabah dan Sarawak ini tidaklah popular dalam konteks yang lebih umum.

Shamsul turut menegaskan bahawa, pembangunan bangsa pasca PRU14 tidak banyak mengalami perubahan. Kepimpinan Tun Mahathir masih mengekalkan konsep "*Malay-led plural society*". Dalam konteks hari ini, konsep bangsa idaman inilah yang diangkat oleh parti-parti politik seperti Bersatu, UMNO dan PAS. Menurut beliau lagi, dalam aspek hubungan kemasyarakatan seperti konteks Malaysia Baharu ini, penekanan banyak diberikan kepada hubungan antara kaum atau "*inter-ethnic*" tetapi meminggirkan perihal penting hubungan dalam kaum atau "*intra-ethnic*". Kepelbagai dan perbezaan yang wujud antara kaum di negara ini adalah sesuatu yang perlu diraikan. Namun, menurut Shamsul, kita sering melihat perbezaan-perbezaan ini dalam perspektif yang negatif, bukannya positif. Perbezaan tersebut seolah-olah menjadi sesuatu yang perlu dilawan, bukannya disyukuri. Para pemimpin parti politik khususnya perlu melihat agenda negara bangsa ini lebih penting daripada agenda-agenda lain untuk rakyat Malaysia dalam membina peradaban majmuk di Malaysia supaya generasi masa hadapan dapat menikmati kehidupan yang lebih aman sampai bila-bila.



SOALAN PENGHAYATAN

Kepelbagaian dan perbezaan yang wujud antara kaum di Malaysia adalah sesuatu yang perlu diraikan. Namun, menurut Shamsul Amri Baharuddin (2011), kita sering melihat perbezaan-perbezaan ini dalam perspektif yang negatif, bukan positif.

Beliau menegaskan lagi, para pemimpin parti politik perlu melihat agenda negara bangsa ini lebih penting daripada agenda-agenda lain untuk rakyat Malaysia dalam membina peradaban majmuk di negara kita.

Bincangkan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

RINGKASAN

- Peradaban majmuk di Malaysia dipengaruhi oleh peradaban Pribumi Alam Melayu, peradaban Asia yang terdiri daripada peradaban India, Cina serta Timur Tengah dan seterusnya peradaban dari Barat.
- Peradaban ini akhirnya terus berkembang dengan pengaruh oleh 'peradaban globalisasi' yang merupakan gabungan berbagai peradaban tanpa sempadan melalui jaringan digital yang kompleks.
- Pembinaan peradaban yang beridentitikan Malaysia bermula dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 melalui usaha mewujudkan Negara-Bangsa. Ia didahului oleh pembinaan Negara bercirikan satu wilayah, satu perlembagaan dan satu kewarganegaraan.
- Peradaban beridentitikan Malaysia mestilah suatu peradaban yang mempunyai identiti kukuh sebagai seorang anggota masyarakat Malaysia yang bertunjangkan budaya, imej, bahasa dan agama sebagai landasan utama dalam menjalani kehidupan mereka.
- Ciri-ciri utama pembentukan sesebuah negara adalah adanya penduduk, sempadan, kerajaan dan kedaulatan.
- Usaha-usaha ke arah pembentukan negara bangsa merupakan salah satu langkah ke hadapan dalam mewujudkan satu negara satu bangsa. Usaha ini perlu dilaksanakan secara bersama tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

RUJUKAN

1. Amri Marzali (2017). Peradaban Melayu - Nusantara. *Jurnal Peradaban*, [S.I.], v. 5, p. 23-48. ISSN 2636-9257.
2. Chew Fong Peng (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 17.

3. Mohamad Rodzi Abd Razak, (2009) Pembinaan Negara Bangsa Malaysia Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36. pp. 90-106. ISSN 2180-0251
4. Nazri, M. (2020). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
5. Osman Bakar (2017). Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban. *Jurnal Peradaban*, [S.I.], v. 1, p. 75-97, ISSN 2636-9257.
6. Shamsul Amri Baharuddin (2011), Kesepadan dalam kepelbagaian: perpaduan di Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Shamsul Amri Baharuddin (2012) Wawasan 2020: Negara Teguh, Bangsa Terus Dibina Ucaptama Seminar Wawasan 2020: Transformasi Malaysia.
8. Siti Zaharah Setapa, Hasnah Hussiin, Nur Afifah Saharudin, Norhaslina Sulaiman, Mohd Rosdi Ripin, Solehah Samsudin, Zuharyati Yusof. (2022). Siri Politeknik: Penghayatan Etika dan Peradaban. Selangor: Penerbit Ehsan.